

20 MAR 2000

Umno-Jawatan

TIGA JAWATAN UMNO DIJANGKA DIMENANGI TANPA BERTANDING

KUALA LUMPUR, 20 Mac (Bernama) -- Tiga jawatan utama dalam pemilihan Umno pada Mei ini dijangka dimenangi tanpa pertandingan berikutan bilangan pencalonan yang diterima oleh calon-calon utama terus meningkat sementara jumlah pencalonan bagi pencabar mereka tidak berganjak daripada satu pencalonan.

Jawatan-jawatan yang hampir pasti tiada pertandingan itu ialah presiden, timbalan presiden dan ketua pergerakan pemuda.

Setakat ini Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang dicalonkan semula bagi jawatan presiden memperolehi 78 pencalonan berbanding pencabar tunggalnya, pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan Tengku Razaleigh Hamzah satu pencalonan daripada bahagian Tanah Merah.

Dr Mahathir memerlukan 38 pencalonan lagi untuk memenangi jawatan itu tanpa bertanding. Beliau memerlukan 116 pencalonan kesemuanya.

Beliau nampaknya sudah pasti mencapai jumlah itu minggu ini kerana 50 bahagian Umno lagi akan mengadakan mesyuarat masing-masing daripada Khamis hingga Ahad ini.

Bahagian-bahagian itu dijangka akan mematuhi nasihat Majlis Tertinggi Umno supaya mencalonkan Dr Mahathir untuk jawatan berkenaan bagi memastikan tiada pertandingan untuk dua jawatan utama parti, presiden dan timbalan presiden.

Sekiranya Tengku Razaleigh tidak memperolehi 49 lagi pencalonan yang diperlukan bagi melayakkan beliau untuk bertanding jawatan itu sebelum semua bahagian menyelesaikan mesyuarat mereka akhir bulan ini, maka Dr Mahathir secara automatik menang tanpa bertanding.

Begitu juga dengan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang dicalonkan jawatan timbalan presiden parti yang memerlukan 133 pencalonan bagi membolehkan beliau menang tanpa bertanding.

Abdullah setakat ini memperolehi 78 pencalonan daripada 79 bahagian yang sudah mengadakan persidangan perwakilan masing-masing.

Pencabar tunggal beliau, Tengku Razaleigh masih mendapat hanya satu pencalonan daripada bahagian Tanah Merah.

Bagi jawatan ketua pergerakan pemuda Umno, pemangku ketua Datuk Hishammuddin Hussein yang memperolehi 114 pencalonan setakat ini berbanding pencabarnya ketua pergerakan Pemuda bahagian Tanjong, Raja Munir Raja Mustapha kelihatan selesa untuk memenangi jawatan itu tanpa bertanding.

Ini kerana Raja Munir setakat ini hanya menerima satu pencalonan iaitu daripada bahagiannya sendiri.

Bagaimanapun, pertandingan sengit ialah bagi jawatan naib presiden, ketua pergerakan wanita, naib ketua pergerakan wanita dan naib ketua pergerakan pemuda Umno.

Setakat ini sembilan daripada 11 calon bagi jawatan naib presiden Umno terus memperolehi tambahan pencalonan daripada 27 bahagian yang mengadakan mesyuarat mereka minggu lepas.

Calon-calon itu ialah penyandang Datuk Seri Najib Razak (75), Datuk Abdul Ghani Othman (45), Datuk Seri Abu Hassan Omar (31), Datuk Osu Sukam (22), Tan Sri Mohamed Isa Samad (16), Datuk Seri Syed Hamid Albar (13), penyandang Tan Sri Muhammad Muhammad Taib (12), Datuk Rais Yatim (10), Tan Sri Muhyiddin Yassin (8), Tengku Razaleigh dan Datuk Tajol Rosli Ghazali masing-masing dua pencalonan.

Bagaimanapun, Tajol Rosli telah mengumumkan bahawa beliau tidak akan bertanding jawatan itu pada pemilihan parti nanti.

Empat daripada calon-calon bagi jawatan itu Najib, Abdul Ghani, Abu Hassan dan Osu sudahpun melayakkan diri untuk bertanding apabila melepasi syarat kelayakan pertandingan dengan 17 pencalonan.

Lima calon lain dijangka dapat turut melayakkan diri bagi merebut jawatan itu memandangkan ada 86 bahagian lagi akan mengadakan mesyuarat perwakilan masing-masing.

Bagi jawatan ketua pergerakan wanita Umno, kedua-dua calon, penyandang Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman dan Datuk Seri Rafidah Aziz sudahpun melepasi syarat kelayakan dan pencalonan bagi mereka terus meningkat kerana tiada calon lain yang diketengahkan setakat ini.

Calon jawatan ini memerlukan 33 pencalonan dan Rafidah kini memperolehi 64 pencalonan sementara Siti Zaharah 46 pencalonan.

Bagi jawatan naib ketua pergerakan wanita, dua daripada calonnya, Datuk Shahrizat Abdul Jalil dan Ainon Khariyah Mohd Abas sudah melepasi kelayakan bertanding sementara penyandang Datuk Napsiah Omar memerlukan 13 lagi pencalonan untuk melayakkan beliau bertanding mempertahankan jawatan itu.

Calon bagi jawatan itu memerlukan 26 pencalonan dan Shahrizat setakat ini sudahpun menerima 64 pencalonan sementara Ainon Khariyah 33 pencalonan.

Bagi jawatan naib ketua pergerakan pemuda Umno, calon Zein Isma Ismail memerlukan lima lagi pencalonan untuk melayakkan beliau bertanding menentang Abdul Aziz Sheikh Fadzir yang kini sudah mendapat 87 pencalonan. Dua lagi calon Mustapha Khalid dan Zahidi Zainul Abidin masing-masing setakat ini hanya mendapat enam dan satu pencalonan.

-- BERNAMA

ARA RON